



**TEKS UCAPAN ALUAN**

**YBRS. DR. ROSLI BIN DARMAWAN  
KETUA PENGARAH  
AGENSI NUKLEAR MALAYSIA**

**SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN  
SEMINAR R&D & HARI INOVASI  
NUKLEAR MALAYSIA 2024**

**27 OGOS 2024**

**DEWAN TUN DR. ISMAIL  
AGENSI NUKLEAR MALAYSIA**

Bismillahirrahmanirahim

**(Salutasi Akan Dikemaskini Dari Masa Ke Masa)**

Yang Berbahagia Dato'. Ts. Dr. Haji Aminuddin bin Hassim  
Ketua Setiausaha, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi  
(MOSTI)

Ketua-ketua Jabatan dan Agensi dibawah MOSTI

Ketua-ketua Jabatan dan Pegawai Kanan Pelbagai Jabatan dan  
Agensi Kerajaan

Wakil-wakil Syarikat dan Persatuan,

Warga Penyelidik, Akademik serta Peserta Seminar R&D dan Hari  
Inovasi Nuklear Malaysia 2024

Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani,

1. Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kehadiran YBhg. Dato' Ts. Dr. Haji Aminuddin bin Hassim, KSU MOSTI dan semua hadirin sekalian ke **Majlis Perasmian Seminar R&D dan Hari Inovasi Nuklear Malaysia 2024** pada pagi ini.
2. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada YBhg. Dato' Dr. KSU atas kesudian beliau hadir dan seterusnya merasmikan penganjuran program ini.
3. Seterusnya, ucapan tahniah dan syabas diucapkan kepada jawatankuasa penganjur di atas usaha menjayakan penganjuran Seminar R&D dan Hari Inovasi Nuklear Malaysia yang merupakan antara aktiviti utama Nuklear Malaysia pada tahun ini.

4. Tema yang dipilih untuk penganjuran tahun ini iaitu **“Teknologi Nuklear Memacu Industri Negara dan Mengiktiraf Kecemerlangan Inovasi Sains & Teknologi Nuklear”** adalah bertepatan dengan matlamat Dasar Teknologi Nuklear Negara 2030 yang telah dilancarkan oleh YB Menteri MOSTI pada 20 September 2023 yang lalu. Dasar ini menggariskan matlamat strategik dan hala tuju bagi memastikan kemajuan sains, teknologi dan kejuruteraan nuklear terus dimanfaatkan untuk pembangunan ekonomi, penjanaaan pengetahuan dan kesejahteraan masyarakat.

**YBhg. Dato’ Dr. KSU dan hadirin yang dihormati sekalian,**

5. Seminar R&D Nuklear Malaysia merupakan suatu saluran perkongsian ilmu dalam kalangan para penyelidik Nuklear Malaysia dalam mengetengahkan hasil dan dapatan kajian masing-masing bagi mengukuhkan aktiviti R&D di Nuklear Malaysia khususnya dan di peringkat negara amnya.

6. Hari Inovasi Nuklear Malaysia pula adalah menjadi salah satu platform:
- i. untuk mengetengahkan penemuan baru dan hasil inovasi R&D yang dijalankan oleh para penyelidik dan pencipta;
  - ii. untuk penyelidik dan pencipta berinteraksi dengan pelbagai pihak berkepentingan bagi meneroka input dan idea baru serta mewujudkan peluang kerjasama R&D&C&I;
  - iii. untuk mempromosi sains dan teknologi nuklear kepada pihak berkepentingan termasuk golongan pelajar dan akademik, kementerian dan agensi kerajaan, pemain industri serta badan-badan bukan kerajaan.

**YBhg. Dato' KSU dan hadirin yang dihormati sekalian,**

7. Sebanyak 144 kertas kerja penyelidikan akan dibentangkan dalam Seminar R&D tahun ini yang melibatkan 78 penyertaan pembentangan oral dan 66 pembentangan poster. Kertas penyelidikan yang dibentangkan ini merangkumi tujuh (7) kategori iaitu:
- i. Agroteknologi & Biosains,
  - ii. Aplikasi Nuklear dalam Alam Sekitar,

- iii. Aplikasi Nuklear dalam Industri,
- iv. Keselamatan & Kesihatan Sinaran,
- v. Pengurusan Organisasi,
- vi. Sokongan Teknikal, dan
- vii. Teknologi Perubatan.

8. Hasil pembentangan kertas penyelidikan ini akan dinilai untuk menobatkan kertas kerja, pembentang dan penyertaan terbaik. Seterusnya sebanyak lima belas (15) kertas kerja terbaik juga akan dipilih untuk diterbitkan dalam Jurnal Sains Nuklear Malaysia (JSNM).

**YBhg. Dato'. KSU dan hadirin yang dihormati sekalian,**

9. Bersempena dengan Hari Inovasi Nuklear Malaysia pada tahun ini, pertandingan Anugerah Inovasi Nuklear Kebangsaan 2024 telah menerima permohonan penyertaan yang amat memberansangkan daripada pelbagai institusi pengajian, agensi dan jabatan Kerajaan.

10. Setelah saringan diadakan, sebanyak 50 inovasi R&D dalam kalangan penyelidik Nuklear Malaysia, pelbagai institusi pengajian, agensi dan jabatan Kerajaan telah disenarai pendek untuk mengambil bahagian dalam pertandingan yang melibatkan hasil dan penemuan inovasi dalam enam (6) kategori iaitu:

- i. Perubatan dan Penjagaan Kesihatan
- ii. Makanan & Pertanian
- iii. Pembuatan Peranti & Peralatan
- iv. Alam Sekitar & Sumber Asli
- v. Aplikasi Perindustrian
- vi. Keselamatan & Sekuriti

11. Selamat berseminar dan selamat bertanding kepada semua peserta yang mengambil bahagian. Semoga perkongsian ilmu serta kejayaan yang diperolehi nanti akan mendorong lebih banyak pencapaian dan usaha inovasi R&D yang gemilang pada masa hadapan.

**YBhg. Dato' KSU dan hadirin yang dihormati sekalian,**

12. Akhir kata, sekali lagi saya mewakili seluruh warga Nuklear Malaysia, merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada YBhg. Dato' Dr KSU dan semua yang hadir hari ini mahupun yang mengikuti secara dalam talian untuk menjayakan dan memeriahkan Majlis Perasmian Seminar R&D dan Hari Inovasi Nuklear Malaysia 2024 pada hari ini.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.